

Faktor mempengaruhi budaya Melayu

SETAKAT mana tersentuh atau terburainya kebudayaan sesuatu bangsa manakala ditakluki kuasa asing? Setakat mana juga golongan intelek dan para penulis yang dijajah bertindak untuk memelihara budaya bangsa sendiri?

Yang berlaku bukan sahaja ke atas bangsa yang serba mundur seperti di benua Afrika, Asia dan Amerika Selatan. Ia juga berlaku ke atas negara yang sama maju dengan negara yang mengalahkannya seperti manakala Nazi Jerman menewaskan negara Perancis pada tahun 1940 semasa Perang Dunia Kedua.

Lalu disebut betapa dengan ketewasan itu bangsa Perancis kehilangan pelbagai yang menjadi asas kekuatan mereka, termasuk kebanggaan dengan Revolusi Perancis. Juga melemahkan negara mereka ialah kemelut politik yang berlarutan.

Berperanan sedikit sebanyak ialah Jean-Paul Sartre, kemudiannya menjadi novelis penulis esei, pensyarah dan ahli falsafah. Beliau mulanya dikerah berkhidmat dalam pasukan tentera hingga menjadi tawanan perang tentera Jerman. Sartre kemudian menyertai gerakan bawah tanah tetapi gagal memujuk beberapa penulis terkemuka menyertainya. Antara mereka ialah Andre Gide dan Andre Malraux yang disanjung ramai.

Timbul pertanyaan kemudiannya adakah kerana hal tersebut Sartre menjadi penyokong utama FLN, pejuang bangsa Algeria yang memberontak terhadap penjajahan Perancis hingga akhirnya mencapai kemerdekaan? Menyokongnya di waktu itu ialah penulis ulung, Bertrand Russell. Sartre juga menentang penjajahan Perancis di

Mazlan Nordin

MENULIS



Vietnam. Menjadi bahan penyelidikan pada masa lampau ialah kesan-kesan pelbagai penaklukan oleh sejarawan Thomas Sewell dalam bukunya *Conquests and Cultures*. Lantas dicatat pada permulaannya: *We do not live in the past, but the past is in us.*

Menurutnya peperangan demi peperangan untuk menjajah telah mengubah bahasa, ekonomi dan moraliti pelbagai bangsa. "Sejarah penaklukan bukan hanya mengenai masa lampau tetapi juga masa kini dan kerana itu kita berada pada peringkat ekonomi, intelek dan moraliti antarabangsa dewasa ini."

Penguasaan pihak Moor dari Afrika Utara ke atas negara Sepanyol selama lebih 700 tahun menyebarkan peradaban Islam yang ketika itu lebih maju dari negara-negara Eropah dalam jurusan ilmu kira-kira, sains, perubatan dan falsafah.

Di samping itu ialah penaklukan kejam bala tentera Jepun di negara China pada abad ke-20 dan di Asia Tenggara selanjutnya. Sementara itu Nazi Jerman membunuh berjuta orang Yahudi dalam peristiwa *holocaust*.

Dicatat dalam sejarah antarabangsa oleh Sowell seterusnya: "Setelah India mencapai kemerdekaan, maka lahir wilayah Andhra Pradesh. Kaum Andhra yang pernah hidup di bawah

pemerintahan British menewaskan kaum Telengana yang hidup di bawah pemerintahan raja-raja India.

Kaum Andhra bukan saja mengalahkan yang lain dalam peperiksaan demi peperiksaan untuk menyandang jawatan-jawatan kerajaan. Mereka juga lebih cekap dalam pelbagai usaha asas tani hingga mampu membela tanah yang dimiliki oleh kaum lain.

Demikian juga kemunculan kaum Tamil di Sri Lanka oleh British dalam masa penjajahan mencetuskan reaksi sosial berlarutan hingga ke waktu kemerdekaan."

Hamba abdi

Menarik perhatian ialah catatan mengenai tamatnya sistem memiliki hamba abdi di Filipina setelah Amerika menewaskan penjajah Sepanyol. Kemaraan kuasa Belanda juga menamatkan sistem hamba abdi di Indonesia. Sebaliknya pula ramai kulit hitam Afrika menjadi hamba abdi di bahagian selatan Amerika.

Berkaitan dengan kebudayaan ialah kejayaan pendatang Cina dalam dunia perniagaan di Asia Tenggara dan kejayaan pendatang India di Afrika Timur, Fiji dan pulau-pulau Caribbean.

Mengenai kulit hitam pula disebut betapa ramainya hamba abdi kulit hitam di negara-negara Timur Tengah dan di Afrika Utara. Tetapi bilangan mereka tidak seramai 60 juta keturunan kulit hitam Afrika di Amerika dan lain-lain negara Barat. Golongan bangsa Mongol yang pernah menguasai negara China hingga ke Timur Tengah dan bahagian

Eropah Timur, akhirnya memeluk agama Islam. Demikian juga empayar Ottoman Turki tewas kepada kuasa-kuasa Barat. Perpecahan empayar komunis Soviet Union membawa kepada kemerdekaan beberapa negara Islam di Asia Tengah.

Seperti ditegaskan oleh Sowell "budaya bukan bahan-bahan simpanan di muzium. Kebudayaan adalah penggerak kehidupan pada setiap waktu. Di seluruh dunia peranan kebudayaan meliputi batasan perkauman dan etnik dalam pelbagai jurusan ekonomi dan mempengaruhi nasib masa depan pelbagai bangsa, serta peradaban."

Betapa di Malaysia? Profesor K.G. Tregonning di Universiti Malaya pada tahun 1959 giat mengkaji sejarah "bukan dari pejabat kuasa-kuasa penjajah atau dari dek kapal asing." Tetapi dengan berdiri di pantai dan memerhati ketibaan orang asing. Lalu dalam bukunya beliau tidak menumpukan kajian mengenai kedatangan Portugis dan Belanda pada abad ke-16. Beliau memberi keutamaan kepada peranan orang-orang Aceh. Minangkabau dan Bugis. Hal ini dicatat oleh Profesor Khoo Kay Kim kemudiannya.

Belanda memerintah Melaka (1641-1824) lebih lama dari Portugis dan berikutnya ialah penjajahan Inggeris. Pelbagai peristiwa berlaku yang mempengaruhi budaya Melayu.

PENULIS ialah konsultan kanan ISIS Malaysia. Pandangan penulis adalah pendapat peribadi dan tidak ada kena-mengena dengan ISIS.